



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
27 MEI 2019 (ISNIN)**



DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT

AKHBAR	Utusan Malaysia
TAJUK BERITA	Farizal Tahu Nasib Minggu Ini
MUKA SURAT	54

Farizal tahu nasib minggu ini

KUALA LUMPUR 26 Mei - Ketua jurulatih Selangor, B. Sathianathan enggan mengulas lanjut mengenai insiden Farizal Harun melontarkan kata-kata kesat kepada penyokong *Red Giants* sejurus tamat aksi liga menentang Terengganu, Jumaat lalu.

Sathianathan berkata, bekas penjaga gol Felda United itu sudah pun memohon maaf dan dia menyerahkan kes tersebut kepada pengurusan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) untuk tindakan selanjutnya.

“Saya tidak mahu mengulas lanjut mengenai perkara ini. Biar FAS sahaja yang membuat tindakan. Lagi pun dia (Farizal) sudah minta maaf jadi tiada apa lagi yang perlu dipanjangkan,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Dalam perlawanan di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah itu, *Red Giants* kecundang 0-1 menerusi jaringan sendiri K.Sarkunan pada lewat saingan dan dia kemudian dilihat bergerak ke arah penonton sejurus tamat permainan.

Insiden tersebut kemudian menjadi tular di media sosial, sekali gus mendapat kecaman ramai dan Farizal, 33, atau lebih mesra dengan panggilan Ejai segera mengemukakan permohonan maaf kepada semua penyokong pasukan itu.

Sathianathan meminta pe-



nyokong agar tidak cepat terlanjur menghukum pemain hanya disebabkan keputusan perlawanan semata-mata sebaliknya meminta mereka bersikap lebih tenang dan sabar.

“Apabila kalah, kutuk. Cakap taktik jurulatih sudah lapuk malah pertikaikan keputusan jurulatih,” katanya lagi.

Sementara itu, berhubung insiden ‘menumbuk curi’ pemain PKNP FC, nasib Farizal akan diketahui minggu depan apabila insiden itu dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Disipilin Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM).

Dalam insiden di Manjung 18 Mei lalu, Farizal tidak semena-mena menumbuk muka pemain PKNP, Mohamad Al-Fateh Afandi.

Dia terlepas tindakan kerana pengadil gagal melihat kejadian tersebut, begitupun itu tidak bermakna dia terlepas hukuman.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Formula Terbaik Bangunkan Bola Sepak Selangor
MUKA SURAT	19

Formula terbaik bangunkan bola sepak Selangor

SHAH ALAM - Kerajaan negeri sedang memikirkan formula terbaik untuk membangunkan bola sepak Selangor supaya kembali menduduki tangga teratas Liga Malaysia.

Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pihaknya akan menyusun kembali peranan dan sumbangan bagi menyemarakkan sokongan terhadap pasukan bola sepak negeri ini.

Menurutnya, kerajaan negeri mempunyai enam pasukan bola sepak dalam Selangor dan mahu pastikan pasukan ini kembali menjadi nombor satu.

“Sekarang ini pun pasukan sedang melengkapkan jadual latihan masing-masing meskipun dalam bulan puasa dalam persiapan berdepan persaingan Liga Malaysia.

“Walaupun masih terlalu awal tapi saya percaya



Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari (tengah) beramah mesra dengan pengamal media pada majlis berbuka puasa semalam.

boleh kejar mata demi mata memandang masih ada baki perlawanan.

“Saya berharap pasukan bola sepak ini mampu memberikan cabaran kepada pihak lawan sekali gus membawa pulang hadiah terbaik untuk Selangor,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Berbuka

Puasa Bersama Media, Majlis Sukan Negeri (MSN), Selangor FA, Selangor United di kediaman rasmi Menteri Besar Selangor semalam.

Mengulas lanjut mengenai program itu, ADUN Sungai Tua berkata prinsip kerajaan negeri akan terus mengamalkan keterbukaan media.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Mahu Semuka Dengan Mbsa
MUKA SURAT	20

Mahu semuka dengan MBSA

Peniaga mohon dibenarkan berniaga sepanjang Ramadan

HASNIZA HUSSAIN

SHAH ALAM

Seramai 25 peniaga kecil yang sebelum ini berniaga di sekitar kawasan berdekatan sebuah gedung membeli-belah popular di Seksyen 7, di sini, berharap dapat bersemuka segera dengan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

Salah seorang peniaga kecil, Mizan Hamid, 45, berkata, beliau dan peniaga kecil lain terjejas teruk selepas diarahkan MBSA untuk menghentikan operasi perniagaan di kawasan tersebut bermula 6 Mei lalu.

Beliau berkata, disebabkan itu, mereka mahukan satu pertemuan dibuat dengan MBSA bagi mencari penyelesaian berhubung perkara ini.

Menurutnya, dia dan peniaga kecil lain termasuk

seorang OKU bukan baharu sehari dua berniaga di situ, sebaliknya sudah hampir lima tahun mencari rezeki di kawasan tersebut.

"Apabila penguatkuasa MBSA datang sehari sebelum puasa dan maklumkan kami perlu hentikan operasi bermula 6 Mei lalu, memang kami sangat terkejut.

"Tanpa notis awal sudah tentu kami kecewa, tambah lagi perniagaan tersebut merupakan satu-satunya mata pencarian kami," katanya.

Beliau berharap MBSA memberi peluang serta kelonggaran untuk mereka berniaga semula di situ sementara Ramadan masih baki 10 hari lagi.

Katanya, selepas mereka diarahkan berhenti berniaga di kawasan tersebut, MBSA ada mencadangkan tapak lokasi perniagaan lain iaitu di Pusat Komersial Seksyen 7 berdekatan pasaraya Giant.

"Bukan kami tak mahu berniaga di situ tapi kawasan di situ tiada orang dan tidak sama seperti di sini yang sentiasa dipenuhi pengunjung.

"Bagaimana kami nak cari rezeki di tempat yang tiada pengunjung?Semoga

MBSA dapat mempertimbangkan semula dan membenarkan kami berniaga di kawasan lama untuk mencari pendapatan tambahan terutamanya bagi membuat persiapan hari raya," katanya kepada *Sinar Harian* semalam.

Mizan berkata, rata-rata peniaga yang terjejas menjalankan perniagaan dengan lori atau van dan menjual air, ayam gunting, nugget serta menu ringkas lain.

"Kami parkir kenderaan di petak disediakan dan bayar parkir digunakan... Tapi kenapa alasan diberikan kami menghalang lalu lintas?Sedangkan peniaga lain yang dibenarkan berniaga boleh pacak khemah mereka di sepanjang jalan dan dapat permit untuk berniaga," katanya memberitahu perkara itu turut dipanjangkan kepada ADUN Kota Anggerik.

Ketika diajukan kenapa tidak mempunyai lesen berniaga, Mizan berkata, dia dan rakan peniaga kecil lain sudah beberapa kali membuat permohonan permit niaga tapi tidak berjaya.

Arahan henti operasi
Sementara itu, MBSA



Kawasan di Seksyen 7 dipenuhi khemah jualan yang dipasang di tepi jalan dan turut menyebabkan kesesakan lalu lintas.

ketika dihubungi *Sinar Harian* memberitahu, arahan menghentikan operasi perniagaan itu dikeluarkan kepada peniaga-peniaga kecil terbabit kerana mereka tidak mempunyai permit untuk menjalankan perniagaan.

Menurut MBSA, kawasan seksyen 7 merupakan kawasan komersial yang padat dan dikunjungi oleh ramai.

"Keadaan jalan sesak menyebabkan aliran trafik tersekat. MBSA terima banyak aduan berhubung isu kesesakan di kawasan tersebut," katanya.



Para peniaga kecil ketika dimaklumkan oleh anggota penguatkuasa MBSA supaya mereka menghentikan operasi perniagaan bermula 6 Mei lalu.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Peniaga Kena Tindakan
MUKA SURAT	23

Peniaga kena tindakan

MBPJ sita, kompaun peniaga tanpa lesen berhampiran Uptown Kota Damansara

IZWAN ROZLIN

PETALING JAYA

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) tidak pernah pilih bulu sebaliknya tetap mengambil tindakan tegas terhadap peniaga tanpa lesen di Jalan Teknologi 3 berhampiran Uptown Kota Damansara di sini.

Penolong Pengarah Komunikasi Korporat MBPJ, Ahmad Iskandar Mohamad Mukhtar berkata, pada tahun 2018, sebanyak 28 kompaun peniaga tanpa lesen telah dikeluarkan.

Menurutnya dari jumlah itu juga, sebanyak 28 sitaan telah dilakukan membabitkan lapan peniaga tanpa lesen dan 20 sitaan yang membabitkan kesalahan halangan.

“Manakala bermula dari Januari hingga Mei tahun ini, MBPJ melalui jabatan penguatkuasaan telah mengeluarkan sebanyak 23 kompaun bagi peniaga tanpa lesen dan 11 kompaun melibatkan halangan,” katanya.

Beliau berkata, sitaan peniaga tanpa lesen juga telah dilaksanakan membabitkan dua kes halangan dengan 15 notis telah dikeluarkan.

Beliau berkata demikian ketika mengulas mengenai runngutan orang ramai dan pemilik restoran berlesen yang



'Jangan berniaga tepi jalan'

Penggunaan merentas Jalan Teknologi 3
Aktuasi tanpa lesen
dan halangan
kesalahan halangan.

Penggunaan merentas
 Jalan Teknologi 3
 Aktuasi tanpa lesen
 dan halangan
 kesalahan halangan.

Kawasan sekitar jadi kotor
 Kawasan sekitar jadi kotor
 Kawasan sekitar jadi kotor

Keratan Sinar Harian 17 Mei lalu berhubung isu peniaga tanpa lesen di Jalan Teknologi berhampiran Uptown Kota Damansara.

tidak berpuas hati dengan tindakan peniaga tanpa lesen membuka gerai di bahu jalan hingga menyebabkan jalan sesak seperti dilaporkan akhbar ini pada 17 Mei lalu.

Malah tindakan itu juga menyebabkan kawasan berkenaan dice-mari sampah sarap berpunca daripada bahan buangan gerai-gerai berkenaan setiap hari.

“Jabatan Penguatkuasaan MBPJ juga mengadakan kawalan statik di kawasan berkenaan pada 13 April hingga 2 Mei yang lalu -2/5/2019 yang lalu,” kata Ahmad Iskandar.

Tindakan di bawah Undang-Undang Kecil Penjaja MBPJ 2007 bagi kesalahan penjaja tanpa lesen. Untuk kesalahan halangan tindakan di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133).

Sila layari **sinarharian.com.my**

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Jkr, Mpaj Atasi Isu Banjir Di Taman Kencana
MUKA SURAT	24

JKR, MPAJ atasi isu banjir di Taman Kencana

PANDAN INDAH – Isu banjir di Taman Kencana di sini mendapat perhatian Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani Negeri Selangor, Ir Izham Hashim.

Izham bersama Jurutera Daerah JKR Hulu Langat, Ir Dr Zarabizan Zakaria meluangkan masa mengadakan lawatan ke Taman Kencana baru-baru ini.

Zarabizan berkata, lawatan itu bertujuan memantau dan mengkaji tindakan penyelesaian dalam mengatasi masalah banjir di taman tersebut.

“Kita akan bekerjasama dengan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) untuk menyelesaikan isu banjir kilat yang sering berlaku di kawasan tersebut,” katanya dalam satu kenyataan.

Beliau berkata, longkang-longkang di persekitaran akan diselenggara serta dibaik pulih dan dinaik taraf.

“Dalam masa yang sama kita mahu memastikan Jalan Bunga Raya selamat dilalui oleh pengguna jalan raya ketika hujan,” katanya.

Lawatan ke Taman Kencana turut disertai Ahli Majlis MPAJ, Nor Hayati Haron dan Mohd Aris Ismail.



Izham (enam dari kanan) dan Zarabizan (lima dari kiri) bersama penduduk dan Ahli Majlis MPAJ yang menyertai lawatan ke kawasan banjir di Taman Kencana baru-baru ini.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	10 Kes Vandalisme Direkod Dalam Tempoh Dua Bulan
MUKA SURAT	24

10 kes vandalisme direkod dalam tempoh dua bulan

BALAKONG – Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Balakong, Wong Siew Ki dan Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) Chang Yee Chin memandang serius perbuatan vandalisme terhadap peti pembekal elektrik yang menyebabkan kawasan di Persiaran Bandar Damai Perdana di sini mengalami gangguan elektrik.

Siew Ki berkata, infrastruktur yang disediakan untuk kepentingan awam itu dipercayai dirosakkan individu tertentu hingga akhirnya menyusahkan semua pihak.

Menurutnya, beliau dimaklumkan dua peti pembekal elektrik di kawasan berkenaan menjadi perbuatan vandalisme.

“Masalah ini semakin menjadi-jadi sejak kebelakangan ini sehingga meresahkan masyarakat di kawasan terlibat,” katanya kepada pemberita ketika dihubungi semalam.

Beliau berkata, peti pembekal elektrik itu menjadi sasaran kerana terletak di tepi jalan dan komponen di dalam peti tersebut dipercayai boleh dijual de-



Siew Ki (dua dari kanan) melihat penutup tiang lampu yang terbuka akibat perbuatan vandalisme di Persiaran Damai Perdana.

ngan harga yang tinggi kepada peniaga barangan lusuh dan kitar semula.

“Kita menerima laporan daripada penduduk yang mendakwa penjenayah menggunakan kenderaan pacuan empat roda untuk mencabut peti berkenaan. Penjenayah turut mencuri wayar pada tiang lampu,” katanya.

Siew Ki berkata, pihaknya berharap polis dapat meningkatkan rondaan di

kawasan tersebut bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

“Orang awam yang mengetahui kejadian ini segera menghubungi balai polis berhampiran untuk tindakan lanjut,” katanya.

Sementara itu, Yee Chin berkata, sebanyak 10 kes vandalisme berlaku sejak dua bulan lalu.

“Kita terpaksa keluar kos tinggi untuk kerja membaik pulih,” katanya.

AKHBAR	Sinar Harian
TAJUK BERITA	Tinggal Sehelai Sepinggang
MUKA SURAT	24

Tinggal sehelai sepinggang

Rumah didiami 20 keluarga di Pandan Jaya musnah dalam kebakaran

AHMAD ISMADI ISMAIL

PANDAN JAYA

Sebanyak 20 keluarga tinggal sehelai sepinggang apabila rumah dihuni musnah dalam kebakaran di Taman Pandan Jaya di sini kelmarin. Penolong Pengarah Bahagian Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Selangor Penguasa

Kanan Bomba I Hafisham Mohd Noor berkata, bomba menerima panggilan kecemasan pada jam 3.28 petang.

“Sepasukan anggota dan pegawai dari Balai Bomba dan Penyelamat berhampiran bergegas ke lokasi kejadian dan lapan rumah jenis Kelas C didapati terbakar 100 peratus. Api berjaya dikawal pada jam 4.13 petang,” katanya.

Beliau berkata, 15 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Jawatankuasa Penduduk Zon 16 di sini.

“Saya difahamkan 20 lelaki, 23 wanita, 24 kanak-kanak dan seorang bayi perempuan ditempatkan di dewan itu pada jam 7 malam,” katanya.

info

Sebanyak 15 keluarga ditempatkan di pusat pemindahan sementara di Dewan Jawatankuasa Penduduk Zon 16

Menurutnya, Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Mohamed Talha dan Exco Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pmodenan Pertanian Dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim telah melawat mangsa di lokasi kejadian.

“Jabatan Kebajikan Masyarakat mengambil maklumat kesemua mangsa untuk tindakan lanjut,” katanya.



Orang ramai melihat rumah-rumah yang terbakar di Taman Pandan Jaya kelmarin.



AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	'Kami tiada masalah'
MUKA SURAT	10

H.METRO - m/s-10

'Kami tiada masalah'

Kuala Lumpur: Majoriti penduduk di Jalan Megah 31, Cheras di sini, menga- kui operasi rumah perlin- dungan Persatuan Kebaji- kan Rumah Jalinan Kasih Anak-Anak Yatim Miskin Selangor tidak pernah mengganggu ketenteraman mereka sejak 10 tahun lalu.

Penduduk, Pazidah Kanapiah, 54, yang sudah menetap di kejiranan itu berkata, dia sekeluarga tiada masalah dengan rumah perlindungan berkenaan, malah merasa gembira dengan kehadiran penghuninya.

"Mereka ini anak yatim dan miskin. Ia adalah satu rahmat apabila kita berada dekat dengan golongan memerlukan seperti ini kerana kita boleh sering membantu.

"Malah, mereka sangat ramah dan sering menolong jiran jika ada keramaian yang mana kami sudah anggap seperti anak sendiri.

"Saya secara peribadi akan merindui penghuni rumah perlindungan ini sekiranya mereka terpaksa berpindah ke tempat lain yang belum tentu juga bagaimana penerimaan jiran di situ nanti," katanya ketika ditemui Harian Metro di sini.

Bagi Hasinah Said, 59, Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) perlu memikirkan penyelesaian lain untuk masalah ini dan bukan terus memberi notis keluar memandangkan itu adalah rumah perlindungan anak yatim dan miskin.

"Ya, penduduk faham kedudukan MPKj sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT), namun dalam kes ini pasti ada cara lain yang boleh diusahakan.

"Bagaimana penghuni rumah perlindungan ini akan teruskan hidup apabila mereka dihalau dari sini? Tidak semudah itu untuk memulakan hidup baru di kawasan lain.

"Tidak dinafikan kadang kala jalan di depan rumah agak sesak kerana ramai pihak datang berikan bantuan kepada rumah perlindungan itu, namun bukanlah setiap hari seperti yang didakwa pengadu," katanya yang tinggal berhadapan dengan rumah perlindungan itu.

Sementara bagi Sharifah abdullah, 51, penduduk kawasan itu sanggup berjumpa dengan pihak MPKj bagi menunjukkan sokongan terhadap rumah perlindungan berkenaan.

"Kami bersedia untuk bekerjasama dengan MPKj sekiranya mahu maklumat tambahan mengenai keadaan di sini, berbanding hanya mendengar sebelah pihak saja," katanya.

AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	Rintihan 48 Anak Yatim
MUKA SURAT	10,11

RINTIHAN 48 ANAK YATIM

Rumah kebajikan terima notis kosongkan kediaman selepas terima aduan individu terganggu

Nur Lela Zulkipli
nurilela@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

H-METRO
M/S - 10/11

Pengorbanan dan usaha saya selama ini untuk membela nasib anak yatim dan miskin mungkin lebur sekelip mata sekiranya kami perlu keluar dari rumah perlindungan ini.”

Itu keluhan Norlela Othman, 57, yang buntu memikirkan nasib 48 anak yatim dan miskin di bawah jagaannya selepas menerima notis mengosongkan kediaman dari Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ) Mac lalu kerana dikatakan mengganggu ketenteraman penduduk.

Norlela yang juga bekas pesakit

kanser payudara dan tulang itu membuka Persatuan Kebajikan Rumah Jalanan Kasih

Anak-Anak Yatim Miskin Selangor sejak 10 tahun lalu di Jalan Megah 31 di Cheras, di sini, untuk membantu golongan memerlukan perlindungan.

Namun, kehadiran mereka dikatakan tidak disenangi pihak tertentu.

“Saya dan suami selama ini sedaya upaya menyediakan tempat tinggal untuk kanak-kanak dan remaja yang memerlukan namun tiba-tiba saja terdapat individu yang baru berpindah ke sini tidak menyenangi operasi rumah perlindungan ini.

“Disebabkan aduan daripada seorang jiran, MPKJ memberi notis kepada kami supaya mengosongkan rumah ini dalam



masa tiga bulan.

“Saya tidak mampu mengeluarkan dana yang besar dengan segera untuk berpindah keluar, apatah lagi untuk mencari rumah yang sesuai pada kadar sewa yang rendah seperti sekarang,” katanya.

Rumah perlindungan yang menempatkan kanak-kanak dan remaja perempuan itu sekarang disewa pada kadar RM800 sebulan, malah tuan rumah turut tidak berkira sekiranya Norlela tidak mampu atau terlewat membayar sewa.

Kemudahan itu sedikit sebanyak meringankan beban Norlela untuk menampung perbelanjaan penghuni rumah berkenaan yang mencecah RM15,000 setiap bulan.

Lebih menyedihkan, penghuni rumah perlindungan berkenaan juga tidak boleh menerima hakikat bahawa mereka perlu berpindah keluar kerana sudah serasi dengan kejiranan itu.

“Sepanjang 10 tahun menguruskan rumah perlindungan, saya pastikan tiada seorang penghuni pun mengganggu ketenteraman jiran.

“Namun, sudah menjadi lumrah kanak-kanak di mana mereka sering bermain dengan suara yang agak kuat sehingga mengganggu jiran sebelah.

“Kami akhirnya perlu akur

dengan bantahan yang dikemukakan jiran bersebelahan apabila MPKJ memaklumkan kami perlu berpindah keluar dari rumah perlindungan ini,” katanya.

Menurut Norlela lagi, dia ada mencari rumah sewa baru di kawasan berhampiran namun sewa yang dikenakan melebihi RM2,000 sebulan dan perlu membayar deposit yang tinggi.

“Saya juga perlu mengubah suai rumah baru supaya sesuai dengan spesifikasi yang ditetapkan Jabatan Bomba dan Penyelamat atau saya tidak boleh beroperasi langsung.

“Kos untuk ubah suai rumah juga sangat besar sehingga mencecah puluhan ribu ringgit. Wang yang ada hanya cukup-cukup makan untuk keperluan harian dan sekolah anak-anak di sini,” katanya.

Kata ibu kepada enam anak itu, dia sendiri sudah sedaya upaya berjimat dengan meminta pertolongan anak dan suami menguruskan keperluan anak yatim dan miskin di bawah jagaannya.

“Saya bersyukur apabila ramai insan yang sanggup menjaga anak-anak ini tanpa mengharapkan balasan atau upah yang tinggi.

“Namun, bila masalah ini timbul, saya tiada saluran lain untuk mendapatkan dana yang besar. Anak-anak di sini juga dikenali oleh majoriti penduduk, malah ada penduduk yang sudah menganggap mereka seperti anak sendiri,” katanya.

Norlela turut keberatan untuk memisahkan anak yang dijaga sekiranya tidak mampu menyediakan rumah yang sesuai untuk dijadikan rumah perlindungan.

“Penghuni di sini trauma apabila perlu berpisah dengan keluarga mereka. Jadi, apabila diberitahu mungkin mereka akan diagihkan ke rumah perlindungan lain, semuanya sedih dan tidak mahu berpisah.

“Kami di sini sudah seperti satu keluarga besar di mana kami menjaga kebajikan masing-masing tanpa meminta untuk dimewahkan. Cukuplah kami dapat hidup bersama,” katanya.

Katanya lagi, dia kini dalam proses mengumpul tandatangan daripada 52 penduduk berhampiran rumah perlindungan itu untuk diserahkan kepada MPKJ bagi mempertimbangkan semula notis berkenaan.

“Saya sudah mendapatkan kelulusan daripada MPKJ untuk beroperasi sehingga hujung tahun lalu, namun saya gagal untuk perbaharui lesen disebabkan aduan jiran berkenaan.

“Saya sanggup mengikut apa saja syarat yang dikenakan pihak MPKJ asalkan dapat mengekalkan rumah perlindungan ini yang memberi banyak memori kepada semua penghuni dan juga penduduk lain yang sentiasa bersama kami,” katanya.

bersama
k yatim
s rumah
an yang
sejak 10
hun lalu.

AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	MPKj pertimbang tarik semula notis kosongkan bangunan
MUKA SURAT	11

MPKj pertimbang tarik semula notis kosongkan bangunan

H.METDO
PAGE - 11

Kajang: Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) bersedia mempertimbangkan menarik semula notis mengosongkan bangunan sekiranya pengadu dan pengurus rumah perlindungan mencapai kata sepakat.

Pegawai Perancangan di Jabatan Perancangan dan Pembangunan MPKj, Sazzelina Ismail, berkata pengurus rumah Jalinan Kasih Anak-Anak Yatim Miskin Selangor, Norlela Othman perlu mendapatkan persetujuan dari penduduk yang membantah jika mahu meneruskan operasi rumah berkenaan.

“MPKj sebenarnya dalam keadaan tersepit kerana situasi kedua-dua pihak perlu kami ambil perhatian. Selama beberapa tahun rumah perlindungan itu beroperasi tanpa lesen dari pihak kami pun, masih tiada tindakan diambil atas belas ihsan.

“Namun memandangkan terdapat aduan biarpun daripada

seorang penduduk, kami perlu ambil tindakan yang sewajarnya dan mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

“Masalah ini akan selesai sekiranya semua penduduk di depan, belakang dan bersebelahan bersetuju dengan operasi rumah perlindungan di kawasan itu,” katanya kepada Harian Metro di sini.

FAKTA
Hanya seorang jiran yang mengadu kurang selesa dengan rumah perlindungan berkenaan

Sazzelina turut mengesahkan hanya seorang jiran yang mengadu kurang selesa dengan rumah perlindungan berkenaan atas alasan kanak-kanak sering membuat bising selain masalah parkir di depan rumah berkenaan.

“Ya, memang benar hanya seorang saja penduduk yang membuat bantahan kepada MPKj kerana mereka berkongsi dinding. Ini secara tidak langsung menguatkan lagi aduan berkenaan kerana individu itu adalah yang paling hampir dengan rumah

perlindungan berkenaan.

“Kita juga tidak turun padang untuk berjumpa dengan penduduk lain kerana majoriti mereka tidak membantah dan hanya bantahan yang diambil kira sebagai isu setempat,” katanya.


Katanya lagi, MPKj sudah cuba untuk menyatukan semua pihak dalam satu perjumpaan, namun tiada kata sepakat yang dicapai malah hanya berdiam diri.

“Sebelum ini dalam perjumpaan di MPKj kedua-dua pihak langsung tidak memberi kerjasama untuk berbincang dan ia hanya menyebabkan masalah semakin berpanjangan.

“Penyelesaian masalah ini akan menjadi mudah jika semua pihak bekerjasama. Hidup berjiran memang perlu bertolak ansur dan tidak boleh hanya mementingkan diri sendiri.

“Jika kedua-dua pihak berdamai, saya fikir MPKj juga tiada masalah untuk menarik semula notis dan operasi rumah perlindungan boleh berjalan seperti biasa,” katanya.

AKHBAR	Harian Metro
TAJUK BERITA	3,000 pelajar tahfiz berkumpul
MUKA SURAT	35



SEBAHAGIAN daripada 3000 pelajar tahfiz membaca al-Quran pada program Ijtimak Huffaz Selangor ke-13, di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, semalam.

Shah Alam

A. METRO - M/S - 35

3,000 pelajar tahfiz berkumpul

Seramai 3,000 pelajar tahfiz di Selangor berkumpul sempena Ijtimak Huffaz Selangor kali ke-13 Selangor #QuranHour di Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini.

Program anjuran Persatuan Institusi Tahfiz al-Quran Negeri Selangor (Pitas) dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor (Mais) antara lain bertujuan mengasah bakat dalam penguasaan hafazan al-Quran, selain membuka peluang masyarakat untuk mendekati institusi tahfiz.

Pengerusi Pitas Pencetus Ummah (PU) Muhammad Hafiz Muhamad Haneefa al-Hafiz berkata, adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam, terutama golongan muda

untuk kembali mendaulatkan serta memartabatkan al-Quran.

“Di Selangor sahaja terdapat hampir 20,000 pelajar tahfiz. Institusi tahfiz di Selangor perlu menjadi contoh kepada institusi tahfiz di negeri lain dalam semua aspek.

“Namun, usaha ini tidak akan berjaya tanpa sokongan umat Islam. Pitas berkeyakinan penuh dengan usaha berterusan, agenda untuk menyemarakkan amalan memuliakan al-Quran akan berjaya.

“Sebab itu, Pitas menyeru masyarakat tampil mendekati institusi tahfiz dan menyokong anak hafiz al-Quran ini,” katanya ditemui di sini, semalam.

AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	Kilang plastik ancam nyawa
MUKA SURAT	1,6

Penduduk tidak tahan bau busuk asap plastik, dakwa kesihatan dan ekonomi terjejas

Kilang plastik ancam nyawa

KOSMO
m/s-146

Oleh MUHAMMAD
AYMAN GHAFFA



SEBAHAGIAN daripada penduduk sekitar Sungai Pelek membuat demonstrasi aman membantah operasi kilang memproses sisa plastik di Sepang semalam.



HASIL buah naga didakwa menurun secara mendadak ekoran pencemaran udara yang disebabkan oleh kilang plastik di Sungai Pelek.

SEPAANG - Seramai 12,000 penduduk daripada lima buah kampung di sini mendesak pihak berkuasa mengambil tindakan ke atas sebuah kilang memproses sisa plastik kerana sudah tidak tahan dengan bau busuk yang didakwa menjejaskan kesihatan, alam sekitar dan tanaman mereka.

Difahamkan, kilang yang beroperasi sejak setahun lalu itu mengeluarkan bau busuk seperti plastik dibakar hingga mengakibatkan pencemaran udara yang tersebar dalam lingkungan 7 kilometer dan menjejaskan penduduk di Kampung Baru Sepang, Sungai Keroh, Tanjung Mas, Jelutong Indah dan Sungai Pelek.

Penduduk mendakwa, kilang tersebut dikendalikan oleh sebuah syarikat dari China yang memproses sisa plastik dari luar negara.

Pengerusi Gabungan Persatuan Cina dan Pertubuhan Rumah Berhala Kawasan Sungai Pelek dan Sepang, Joshua Tee



JOSHUA TEE



HENRY TONG

mendakwa, operasi kilang tersebut disambung kira-kira dua minggu lalu setelah dihentikan sekitar Mac lepas sebaik memperoleh permit sementara selama enam bulan.

Dakwanya, kilang itu mengeluarkan bau busuk ketika melupuskan sisa plastik bermula pukul 12 tengah malam sehingga

lewat pagi hingga menimbulkan kerisauan dan suasana tidak menyenangkan kepada penduduk kampung.

“Kami terpaksa tahan bau busuk setiap hari yang boleh membahayakan kesihatan. Ia juga boleh mencemarkan Sungai Sepang Besar di belak-kang kilang tersebut seperti yang berlaku di Sungai Kim Kim di Pasir Gudang, Johor baru-baru ini.

“Bagaimana kilang itu boleh beroperasi sedangkan kami mendapat maklumat ia masih belum mempunyai laporan kajian impak alam sekitar? Kami harap Majlis Perbandaran

Sepang (MPSepang) mengkaji semula permit yang diberikan kepada kilang tersebut,” dakwanya.

Joshua ditemui ketika menyertai bantahan aman bersama 50 penduduk yang diadakan di hadapan kilang tersebut semalam.

Sementara itu, seorang penduduk, Henry Tong, 36, mendakwa, ada penduduk yang mengalami gejala gatal badan dan sering demam sejak akhir-akhir ini.

“Bukan mahu menuduh namun ada kemungkinan penyakit itu berpunca daripada pencemaran udara di sini. Kilang seperti itu tidak diperlukan di sini

dan saya harap pihak berkuasa mengambil serius perkara tersebut,” dakwa bekas Ahli Majlis MPSepang itu.

Dalam pada itu, seorang pekebun buah naga, Sean Ng, 33, mendakwa, kebun milik keluarganya yang terletak bersebelahan kilang tidak dapat mengeluarkan hasil yang baik sejak setahun lalu ekoran pencemaran udara di situ.

“Biasanya kebun mampu menghasilkan buah naga sehingga 2 tan sebulan namun sejak kilang itu beroperasi, pokok hanya mampu mengeluarkan 200 kilogram buah bagi

tempoh sama,” dakwanya yang telah berniaga sejak 13 tahun lalu.

Sementara itu, Yang Dipertua MPSepang, Mohd. Fauzi Mohd. Yatim berkata, permit sementara dikeluarkan selepas syarikat itu melepasi ulasan teknikal daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS) pada 5 April lalu.

“Syarikat itu dilaporkan telah memasang alat kawalan pencemaran udara dan membina sistem pengolahan efluen seperti yang dikehendaki mengikut Akta Alam Sekeliling 1974,” katanya ketika dihubungi.

AKHBAR	KOSMO!
TAJUK BERITA	PKNS rai rakan media dan rakan niaga berbuka puasa
MUKA SURAT	17

PKNS rai rakan media dan rakan niaga berbuka puasa

KOSMO - M/S - 17

SHAH ALAM - Seramai 60 rakan media serta rakan niaga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) diraikan dalam satu Majlis Kongsi Kasih 2.0 dan Iftar di Shah Alam Convention Center (SACC) di sini kelmarin.

Pengurus Komunikasi Korporat PKNS, Ishak Hashim berkata, majlis tersebut diadakan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara warga kerja PKNS bersama rakan media dan rakan niaga.

"Rakan media dan

rakan niaga telah banyak membantu operasi PKNS selama ini dan majlis ini adalah tanda terima kasih daripada pihak kami atas sokongan mereka.

"Sebelum ini kita telah mengadakan beberapa acara antaranya program Water Rafting di Gopeng, Perak baru-baru ini," katanya.

Jelasnya, majlis seumpama itu diharap dapat mengeratkan jilanan kerjasama antara warga kerja PKNS bersama rakan media dan rakan niaga pada masa akan datang.



ISHAK (sembilan dari kanan) bersama sebahagian daripada rakan media dan rakan niaga pada Majlis Kongsi Kasih 2.0 dan Iftar di Shah Alam kelmarin.



AKHBAR	NEW STRAITS TIMES
TAJUK BERITA	MB: Selangor govt to claim compensation from WCE
MUKA SURAT	11

BURST PIPE

MB: Selangor govt to claim compensation from WCE

NST - Page - 13

SHAH ALAM: Preliminary investigations have revealed that soil movement at a West Coast Expressway (WCE) construction site caused several Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) pipes to dislocate, leading to water disruption in Klang.

Menteri Besar Amirudin Shari said the state government would claim compensation from the highway concessionaire over the incident, which left 600,000 consumers in Klang without water supply for almost a week at the beginning of Ramadan.

"We are investigating the effects of the incident on our pipes. We will submit our claims (to WCE) because at this stage, it is very clear that (soil) movement caused the 1,400mm and 900mm pipes to dislocate."

"It caused water disruption in Klang and it was unfortunate that it happened during the first week of Ramadan," Amirudin said after a *buka puasa* event with the media at his official residence in Section 7 here yesterday.

He said he was waiting for a complete report from Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) and the Malaysian Public Works Institute.

"From there, we will claim what is deemed reasonable from WCE because the burden the state government and Air Selangor had to shoulder was huge, especially towards consumers."

Asked if there was a need for a royal commission of inquiry to be set up to investigate the incident, he said there was no need.

"We don't need an RCI as we have plans to repair and upgrade our water distribution system. We need to structure our finances first. What happened in Klang stemmed from the WCE mishap, which we resolved in six to seven days. We couldn't fix the matter swiftly due to subsequent incidents caused by the collapse."

Asked if WCE should be probed, he said it was up to the Public Works Department (PWD) and Malaysian Highway Authority (MHA). He urged MHA and the authorities to ensure the collapsed portion of WCE near the Shahpadu Expressway in Klang Utara was safe before it was opened.

"The onus to ensure the safety of the stretch is on the federal government and PWD. I hope the stretch will be safe, with no risk of collapse or other problems."

AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	Residents want plastic waste recycling plant closed
MUKA SURAT	3

Residents want plastic waste recycling plant closed

THE SUN
PAGE-3

➤ Factory run by China nationals operating on temporary permit

■ BY CHARLES RAMENDRAN
newsdesk@thesundaily.com

SEPANG: While China has banned plastic waste imports for recycling, its nationals who are involved in the business are attempting to

move their operations to Malaysia - even if illegally.

For a year the company has been operating in the Sepang district and residents have tolerated it. But yesterday, about 200 residents took to the streets to protest against the factory in Jalan Sepang Batu 2, Sungei Pelek, urging the authorities to shut down it down before it takes an irreversible toll on the health of the public and the environment.

Sungei Pelek Joint-Associations of Religious Houses president Joshua Tee said the factory is owned and run by Chinese nationals who began operating illegally about a year ago,

recycling imported plastic waste.

He said after repeated complaints were lodged by residents, the authorities shut it down in March.

However, the factory resumed operations last month, this time with a six-month temporary permit issued by the Sepang Municipal Council (MPS).

"The noxious and foul emissions from the factory reach a radius of seven kilometres. There are five villages surrounding this area and the residents have been putting up with the fumes for about a year. Apart from feeling generally unwell, they have suffered from asthma and other breathing problems due to the emissions. How can MPS issue a licence for the factory? We are puzzled and shocked."

Joshua added the factory carried out its operations late at night and lorries carrying imported plastic waste were seen by residents entering the premises.

Former municipal councillor Henry Tong, who was also protesting opposite the recycling factory said the authorities should get the views of the residents before making a decision to allow such factories to operate in the area.

"We do not have a political agenda and our concern is for the people's health and the environment. China has banned this industry and chased away its operators. Now, they are landing in Selangor to continue this harmful business. Sepang is a tourism town and a gateway to foreigners who arrive in Malaysia. The west coast beach is nearby and there are many river activities which attract visitors.

"With the Visit Malaysia 2020 campaign next year, how will tourists react when they witness the high pollution and toxic fumes here? We have had enough of this and we want the operations to stop altogether for good," he said.



Residents staging a protest against the factory.